

Isu perbezaan pendapat Asia-Eropah diselesai secara rundingan

UM 25 JUN 2003

KUALA LUMPUR 24 Jun — Isu perbezaan pendapat dan pandangan antara negara-negara Asia dan Eropah adalah satu realiti yang perlu diselesaikan secara rundingan, kata Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar.

Menurutnya, terlalu sukar untuk mewujudkan persefahaman pendapat jika masih wujud pandangan yang mempertahankan kekuatan dan keegoan kelompok masing-masing.

“Bagaimana hendak wujudkan nersefahaman antara Asia dan Eropah jika masih ada sikap kita-kita dan dia-dia? Memang jurang antara Eropah dan Timur wujud, ia merupakan satu realiti.

“Untuk menyelesaikan perkara itu tidak boleh hanya di sapu di bawah permaidani sahaja.

“Perkara itu perlu dibincangkan dan baru kita dapat mencari bidang-bidang yang akan merapat dan mengurangkan perbezaan,” katanya.

Beliau menyatakan demi-

kian kepada pemberita selepas menyampaikan ucapannya pada Dialog Serantau Malaysia bertajuk **Cabaran Global: Perspektif Malaysia** anjuran firma perunding, Paddy Schubert Sdn. Bhd. di sini hari ini.

Dialog setengah hari itu dihadiri oleh duta dan pesuruhjaya asing serta ketua-ketua eksekutif syarikat asing di negara ini.

Menurut Syed Hamid, pandangan Malaysia dalam isu pertembungan Eropah dan Timur telah dibangkitkan oleh Perdana Menteri. Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dalam ucapan dasar Perhimpunan Agung UMNO Ke-54 minggu lalu.

Dr. Mahathir berkata, sejarah membuktikan bahawa konflik dan peperangan di negara-negara Asia adalah ekoran sikap kolonialisme Eropah secara kekerasan berbanding pedagang-pedagang Arab, China dan India.

Beliau turut memberi peringatan bahawa bangsa Eropah sedang meneruskan neokolonialisme terhadap

negara-negara berdaulat dan rakyat di negara ini perlu sentiasa berwaspada.

Syed Hamid berkata, penyertaan Malaysia dalam

dialog tidak rasmi sempena satu usaha untuk merapatkan jurang perbezaan pandangan antara negara-negara membangun dan Eropah.